

26/06/1998

Apec bukan medan desak anggota

KERJASAMA Ekonomi Asia Pasifik (Apec) tidak seharusnya menjadi medan untuk mendesak mana-mana negara anggota membuka pasaran mereka, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz.

Rafidah berkata, Apec sebaliknya perlu menjadi organisasi untuk membolehkan semua negara anggota secara sukarela membuka pasaran apabila bersedia.

Katanya, pembukaan pasaran itu sepatutnya adalah untuk kepentingan bersama dan tidak menguntungkan suatu pihak saja.

"Biarpun pada sidang Pegawai Tertinggi Apec minggu lalu, negara anggota membincangkan proses pelaksanaan Pembukaan Awal Sektor Tertentu Secara Sukarela (EVSL), namun tempoh perbincangan berkenaan terlalu terhad.

"Untuk itu, negara anggota bersetuju untuk terus memperincikan sembilan produk dalam perancangan EVSL berikutan kebimbangan berhubung keanjalan pelaksanaannya yang ditimbulkan negara anggota termasuk Jepun.

"Justeru, kita mengarahkan pegawai tertinggi untuk menyelesaikan pelbagai isu yang timbul berhubung pembukaan pasaran itu sehingga September ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran pameran SMI Showcase & Apec Cross Border Lingkages, oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur, semalam.

(END)